

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN**  
**[ SELAYANG ]**

**SOALAN :**

Tuan William Leong Jee Keen [ Selayang ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kes penggulungan dan kes-kes kebangkrapan, bilangan bankrap yang telah dibebaskan oleh Mahkamah dan Ketua Pengarah bagi setiap tahun sejak tahun 2008 dan bila pelepasan automatik akan dilaksanakan.

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Terdapat dua (2) keadaan di mana syarikat boleh digulungkan:
  - (i) syarikat yang digulungkan melalui Perintah Mahkamah (Terpaksa); atau
  - (ii) syarikat digulungkan secara sukarela.
  
2. Penggulungan melalui Perintah Mahkamah (Terpaksa) iaitu apabila syarikat gagal membayar hutang syarikat yang berjumlah minima RM500. Manakala penggulungan secara sukarela adalah apabila syarikat digulungkan melalui resolusi yang diluluskan oleh ahli-ahli (orang yang mempunyai saham di dalam syarikat tersebut) atau pemiutang-pemiutang syarikat.
  
3. Jumlah syarikat yang digulungkan sejak tahun 2008 sehingga Disember 2014 seperti berikut:

Tahun	Jumlah kes	
	Melalui Perintah Mahkamah	Secara Sukarela
2008	1,384	1,458
2009	1,656	227
2010	1,619	393

2011	1,540	6,378
2012	1,550	1,145
2013	1,563	631
2014	1,331	910
<b>Jumlah</b>	<b>10,643</b>	<b>11,142</b>

4. Dari tahun 2008 sehingga 31 Januari 2015, jumlah kes kebangkrapan adalah 132,543. Pecahan jumlah kes kebangkrapan mengikut tahun adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah kes</b>
2008	13,855
2009	16,228
2010	18,119
2011	19,167
2012	19,575
2013	21,987
2014	22,351
Januari 2015	1,261
<b>Jumlah keseluruhan</b>	<b>132,543</b>

5. Sementara itu, jumlah kes yang telah dilepaskan oleh Mahkamah dan Ketua Pengarah Insolvensi mengikut kategori pelepasan dinyatakan seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Pelepasan Melalui Mahkamah</b>	<b>Pembatalan Melalui Mahkamah</b>	<b>Pelepasan Melalui Sijil Ketua Pengarah Insolvensi</b>
2008	690	1,535	1,631
2009	542	1,556	3,109
2010	855	1,863	3,676
2011	438	2,039	3,898
2012	360	2,279	9,835
2013	258	2,678	14,245
2014	408	2,444	12,650
Januari 2015	15	196	1,424
<b>Jumlah keseluruhan</b>	<b>3,566</b>	<b>14,590</b>	<b>50,468</b>

6. Berhubung dengan 'pelepasan automatik', cadangan untuk memperkenalkannya sedang dalam penelitian dan diperhalusi dari segi penggunaan terminologi yang bersesuaian untuk digunakan di Malaysia. 'Pelepasan automatik' yang dimaksudkan bukannya bersifat

*time-based* semata-mata namun akan turut mengambil kira beberapa faktor seperti berikut:

- (a) sikap dan kerjasama individu yang bankrap dan pemiutang;
- (b) sistem perbankan;
- (c) pengurusan kewangan individu;
- (d) sosioekonomi;
- (e) sosiobudaya; dan
- (f) politik.

Sekian, terima kasih.